

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PROGRAM PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (ReDI), FOOD BANK, SARA HIDUP, eVOUCHER PJM & PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) MERANCAKKAN SEMULA EKONOMI SETEMPAT

SONG, 8 November 2022 – Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna hari ini telah menyempurnakan Program Pendayaupayaan Pengguna melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI), Food Bank, Sara Hidup, eVoucher PJM dan Program Usahawan Muda (PUM) di Song dan Kapit pada 8 dan 9 November 2022.

2. Program Pendayaupayaan Pengguna merupakan salah satu inisiatif dalam menyahut misi Kerajaan dan Kementerian untuk memastikan pengguna mendapat pendidikan kepenggunaan yang sewajarnya. Program ini adalah **platform yang mampu memberi pendedahan dan advokasi secara lebih inklusif meliputi pelbagai pengguna**. Dalam konteks ini, KPDNHEP telah menggerakkan susun kerja dalam memastikan agenda kepenggunaan menjadi salah satu objektif utama dalam **menyantuni keperluan rakyat terutamanya di luar bandar**.

3. Pelbagai pengisian kepenggunaan yang dijalankan antaranya pengagihan 600 kotak sumbangan Food Bank, pengenalan Program

Usahawan Muda (PUM) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sara Hidup, eVoucher PJM dan lain-lain yang berkaitan. Selain itu, **Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau *Retails Digitalisation Initiative (ReDI)*** turut diadakan dalam memastikan peniaga kecil di luar bandar ini tidak terus ketinggalan di dalam arus perdana dan bersama-sama dalam melibatkan diri menerusi model baharu perniagaan secara digital. Inisiatif ini bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai, malah memberi pelbagai manfaat kepada pengguna dan peniaga dalam **tiga (3) aspek** iaitu **Mudah, Cepat dan Selamat**.

4. Sehingga 31 Oktober 2022, sebanyak **314 peniaga di Kapit** dan **5,596 peniaga di seluruh negara** telah berjaya didaftarkan di bawah program ReDI secara kolaborasi strategik bersama Majlis Daerah Kapit, Bank Negara Malaysia dan rakan strategik *ewallet* terpilih. Bagi menyokong pelaksanaan ReDI ini juga, Kementerian telah bersetuju menyalurkan peruntukan berjumlah **RM18,000** kepada **600 pengguna** dan **200 peniaga** bagi melaksanakan program insentif baru secara tanpa tunai ini.

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline **03- 8882 5881/ 5905** atau melalui emel kepada spip@kpdnhep.gov.my

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Song, 8 November 2022

#End#

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

